Jilid I
Bil. 40

Hari Isnin
11hb Disember, 1978

# PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament*

## PENGGAL PERTAMA
*First Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3989]**

**MENARIK BALIK USUL:**

**Universiti Merdeka [Ruangan 3992]**

**USUL:**

**Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 4001]**

**KENYATAAN MENTERI PELAJARAN:**

**Universiti Merdeka [Ruangan 4001]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG PERTAMA

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

" Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

" Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

" Menteri Sains, Teknoloji dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

" Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

" Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

" Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

" Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

" Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

" Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

" Menteri Kebudayaan ,Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

" Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

" Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

" Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

" Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

" Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

" Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

" Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

" Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).

" Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

" Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

" Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).

" Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

" Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).

" Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).

" Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

" Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

" Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH B N ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).

" Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

" Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

" Timbalan Menteri Sains, Teknoloji dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).

" TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).

" TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

" TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).

" TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

" TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).

" DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).

" TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).

" DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

" TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).

" TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).

" TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).

" DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

" TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

" TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).

" TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

" TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

" TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

" TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat Dr Chen Man Hin (Seremban).

„ Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah).

„ Tuan Chieng Tiong Kai (Sarikei).

„ Tuan Chin Hon Ngian (Renggam).

„ Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat).

„ Tuan Peter Paul Dason (Bukit Bendera).

„ Tuan V. David (Damansara).

„ Tuan Richard Damping anak Laki (Serian).

„ Tuan Edwin anak Tangkun, A.B.S. (Batang Lupar).

„ Datuk Stephen Robert Evans, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

„ Tuan Fung Ket Wing (Sandakan).

„ Datuk Harris bin Mohd. Salleh, S.P.D.K. (Ulu Padas).

„ Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda).

„ Tuan Hashim bin Ghazali (Matang).

„ Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad, J.S.M. (Bagan Datok).

„ Dr Hee Tien Lai, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ Tuan Hiew Nyuk Ying (Tawau).

„ Tuan Hishamuddin bin Yahaya (Maran).

„ Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah).

„ Tuan Ibrahim bin Muhammad, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

„ Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian).

„ Tuan Ismail bin Arshad (Jerai).

„ Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said, A.M.N. (Kemaman).

„ Tuan Jamaluddin bin Suhaimi, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak).

„ Tuan Karpal Singh (Jelutong).

„ Tuan Mark Koding (Kinabalu).

„ Tuan Lee Boon Peng, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ Tuan Lee Kaw (Keluang).

„ Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar).

„ Tuan Liben anak Kato (Betong).

„ Tuan Lim Cho Hock (Ipoh).

„ Tuan Lim Kiam Hoon *alias* Lim Ah Ying (Padang Serai).

„ Tuan Lim Kit Siang (Petaling).

„ Tuan Leonard Linggi anak Jugah, J.B.S. (Kapit).

„ Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Grik).

„ Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ Tuan Mohamed Khir Johari (Kuala Muda).

„ Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Taufeck bin O.K.K. Haji Asneh, b.s.k., b.k., p.p.m. (Hilir Padas).

„ Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais, a.m.p. (Parit).

„ Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim, j.s.m. (Setapak).

„ Tuan Mohd. Napi *alias* Nakhai bin Haji Ahmad (Baling).

„ Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok).

„ Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin, p.i.s. (Pagoh).

„ Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu).

„ Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, k.m.n., j.p. (Pengkalan Chepa).

„ Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman, s.p.m.t., p.s.d., k.m.n. (Kuala Nerus).

„ Datuk James Peter Ongkili (Tuaran).

„ Tuan Oo Gin Sun, a.m.k. (Alor Setar).

„ Tuan P. Patto (Menglembu).

„ Tuan Racha Umong (Bukit Mas).

„ Datuk Haji Sakaran bin Dandai (Silam).

„ Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah).

„ Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam).

„ Tuan Shaari bin Jusoh, p.p.n., p.p.m. (Kangar).

„ Tuan Shamsuri bin Md. Salleh, a.m.n., j.p. (Balik Pulau).

„ Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah).

„ Tuan Sibat Miyut anak Tagong (Ulu Rajang).

„ Tuan Thomas Salang Siden (Julau).

„ Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin, a.m.n. (Sepang).

„ Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed, p.j.k. (Arau).

„ Tuan Raymond Szetu Mei Thong (Lambir).

„ Dr Tan Koon Swan, a.m.p., j.p. (Raub).

„ Dr Tan Tiong Hong (Kepong).

„ Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad, a.m.n., p.b. (Tumpat).

„ Tuan Ting Chek Ming (Bruas).

„ Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu).

„ Tuan Umar bin Haji Ismail, a.m.n., p.p.t. (Padang Rengas).

„ Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh).

„ Wan Zainab binti M.A. Bakar, a.m.n., p.j.k. (Sungai Petani).

„ Tuan Wong Hoong Keat (Tanjong).

„ Dr Wong Soon Kai, p.b.s. (Sibu).

„ Tuan Yang Choong Fu (Kinta).

„ Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali, a.m.n., p.j.k. (Kuala Kangsar).

„ Datuk Stephen Yong Kuet Tze, p.n.b.s. (Padawan).

„ Tuan Yusof bin Malim Kuning *alias* Abdul Rahman bin Mohd. Jani, p.i.s., b.s.i. (Panti).

„ Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (Permatang Pauh).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT

**Isnin, 11hb Disember, 1978**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 Petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

### MAHKAMAH RAYUAN MENGGANTIKAN PRIVY COUNCIL

**1. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada hakikat rayuan-rayuan kepada Privy Council telahpun dimansuhkan dalam kes-kes jenayah dan perlembagaan mulai 1hb Januari 1978 adakah Kerajaan bercadang menubuhkan suatu lagi mahkamah rayuan dalam kes-kes jenayah dan perlembagaan.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem yang diamalkan sekarang dalam kes-kes jenayah orang-orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rendah boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi dan dalam kes-kes jenayah yang bermula di Mahkamah Tinggi mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu bolehlah membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, untuk penentuan atau mentafsirkan mana-mana peruntukan undang-undang (on points of law) di dalam kes-kes jenayah Mahkamah Rendah boleh juga merujukkan kepada Mahkamah Tinggi dan seterusnya kepada Mahkamah Persekutuan untuk keputusan.

Dalam kes-kes Perlembagaan pula, mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Rayuan-rayuan ke Privy Council mengenai kes-kes jenayah dan perlembagaan baru sahaja diberhentikan iaitu mulai daripada 1hb Januari 1978. Saya telah menerangkan sistem rayuan yang diamalkan sekarang. Mengikut sistem ini Mahkamah Persekutuan adalah badan rayuan yang terakhir bagi kes-kes jenayah dan Perlembagaan. Sama ada sebuah lagi Mahkamah Rayuan untuk mengganti Privy Council patut ditubuhkan hendaklah ditimbangkan dengan teliti. Pada masa ini Kerajaan berpendapat tidaklah perlu mengadakan satu lagi mahkamah rayuan bagi mengganti Privy Council.

### KEMATIAN PREBET DALBIR SINGH

**2. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil berkait dengan kematian Dalbir Singh seorang prebet dalam Jurutera Ke 4, Taiping, yang telah meninggal dunia di Kem Sungai Udang setelah dipukul awal tahun ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Siasatan yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian mendiang Dalbir Singh di Kem Sungai Udang, Melaka pada awal tahun ini telahpun selesai menjalankan penyiasatan. Akan tetapi oleh kerana kes ini telah diserahkan kepada pihak Polis, maka tindakan tatatertib ke atas anggota-anggota yang terlibat, adalah ditangguhkan sehingga mendapat keputusan dari Mahkamah.

Oleh kerana mendiang Dalbir Singh meninggal dunia di dalam perkhidmatan, Kementerian ini sedang menguruskan pemberian pencen tanggungan dan ganjaran kematian mengikut kadar yang ditetapkan kepada waris mendiang menurut peraturan yang sedia ada.

## TAMBANG PERCUMA MAS KEPADA MENTERI/TIMBALAN MENTERI

3. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak diperkenalkan tambang percuma Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk Menteri dan Timbalan Menteri dan lain-lain, berapa ramaikah daripada mereka yang telah mengambil peluang ini dan berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak diadakan tambang percuma oleh Syarikat MAS bagi Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri mulai bulan Ogos, 1976 hingga bulan Julai, 1977 apabila kemudahan itu diberhentikan, seramai 32 Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri telah menggunakan kemudahan-kemudahan itu. Harga tambang bagi mereka itu ialah sebanyak $528,345.

**Tuan V. David:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, adakah ini diberi kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri sahaja atau termasuk Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen dan keluarga?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, kesempatan ini diberi kepada Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan keluarga.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang hendak meluaskan perkhidmatan itu kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudahan ini telah diberhentikan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri, macam mana hendak diluaskan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang untuk membatalkan kemudahan ini kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri memandangkan bahawa keuntungan MAS tidak begitu besar dan juga memandangkan bahawa adalah sangat perlu untuk MAS mengadakan suatu kempen jimat-cermat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab mengatakan kemudahan itu sudah diberhentikan pada bulan Julai, 1977, sekarang sudah tidak ada lagi.

## DOKTOR DI HILIR PADAS

4. **Tuan Haji Mohammad Taufeck bin O.K.K. Haji Asneh** minta Menteri Kesihatan terangkan berapa orang Doktor akan dihantar berkhidmat di Sabah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga terutama di kawasan Hilir Padas, kerana masa ini ada hanya seorang Doktor di Beaufort dan seorang di Labuan, sedangkan penduduk Hilir Padas melebihi 50,000 orang termasuk Daerah Kuala Penyu dan Daerah Sipitang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang berjalan hingga masa ini, sejumlah 20 orang Pegawai Perubatan telahpun dihantar untuk bertugas di Sabah. Suka saya memaklumkan bahawa seorang Pegawai Perubatan tambahan telahpun ditempatkan untuk bertugas di Hospital Beaufort mulai 27hb Ogos, 1978. Kementerian ini juga sedang mengusahakan agar Pegawai Perubatan dapat dihantar segera ke Hospital Labuan.

# MENARIK BALIK USUL

## UNIVERSITI MERDEKA

*2.43 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, projek Universiti Merdeka sekarang dalam tempoh 10 tahun sedang menjadi satu ujian terhadap sama ada jaminan Constitutional dihormati, satu ujian sama ada negara kita ini mempunyai demokratik credentials dan satu ujian terhadap multi-racialism di negara kita. Dan semenjak cadangan Universiti Merdeka dibentangkan, pendirian DAP tegas dan terang, kita sokong oleh kerana kita percaya ini adalah satu sumbangan terhadap pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, semalam dan hari ini rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan saya ada berbincang dengan anggota-anggota dan pegawai-pegawai Majlis Universiti Merdeka, mereka ada menghantar satu kumpulan ke England untuk mendapatkan nasihat daripada Q.C. mengenai penolakan projek Universiti Merdeka oleh Kerajaan, bahawa penolakan ini tidak Constitutional. Dan mereka dalam proses untuk mengambil tindakan undang-undang dan oleh kerana kita tidak mahu complicatekan tindakan undang-undang yang ada dalam pertimbangan pihak Majlis Universiti Merdeka, saya bagi pihak DAP dalam Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 34, dengan izin, menarik balik usul ini sementara sampai satu masa yang lebih sesuai apabila perkara ini dilaksanakan oleh Majlis Universiti Merdeka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 34 (1) berbunyi:

> "Sesuatu usul atau pindaan jika diminta oleh pencadangnya boleh ditarikbalik sebelum dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat. Usul atau pindaan yang ditarikbalik demikian itu boleh dicadangkan semula tetapi disyaratkan jika usul, hendaklah dikeluarkan pemberitahu menurut peraturan-peraturan ini."

Jadi, tidak ada apa-apa tegahan bagi seseorang yang sudah mengemukakan cadangan untuk menarikbalik di bawah Peraturan Mesyuarat 34 (1).

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit pandangan. Menurut Standing Order 29, sesuatu usul sepatutnya diberi notis kepada Setiausaha dengan secara bertulis sebelum usul itu ditarik balik. Jadi saya tidak faham dan tidak tahu sama ada cadangan hendak menarikbalik usul ini sudah diberitahu kepada Setiausaha dengan cara bertulis, dan adakah menurut Peraturan Mesyuarat 29, usul seperti ini boleh ditarikbalik?

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan. Peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat 29 ialah untuk usul-usul yang tidak sampai ke Dewan ini, apabila ada satu perubahan mengenai mengemukakan usul supaya usul ini dicatitkan sebagai ditarik balik, itu tidak dicegah. Di dalam Dewan ini pun apabila satu-satu usul dibahas atau mendengar perbahasan itu, ditarik balik ialah oleh kerana sebab-sebab yang tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang memberi keputusan bukan Ahli Yang Berhormat. Saya yang memberi keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya memberi penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak berkehendakkan penjelasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam tadi ialah kepada Peraturan Mesyuarat 29 (1) yang berbunyi:

> "Seseorang ahli, dengan menghantar pemberitahu bersurat kepada Setiausaha, bolehlah menarik balik pemberitahu usul yang telah dikeluarkannya terlebih dahulu."

Tetapi dalam soal ini Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan usul menarik balik di bawah Peraturan Mesyuarat 34 (1) dan ini mengikut apa yang ada sekarang dalam Peraturan Mesyuarat ini, tidak ada apa-apa yang boleh menegah seseorang pencadang itu menarik balik. Dan dengan sebab hari ini tidak ada lagi perkara-perkara yang lain dalam Urusan Mesyuarat . . . . .

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk membuat satu kenyataan berhubung dengan satu perkara yang dianggap oleh Kerajaan sebagai yang penting kepada dasar perlaksanaan pentadbiran negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini di bawah Peraturan Mesyuarat 14kah?

**Dato' Musa Hitam:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bacakan peruntukan-peruntukan yang berkenaan dalam Peraturan Mesyuarat 14 (1) bagi Ahli-ahli Yang Berhormat. Aturan Urusan Mesyuarat ada menentukan iaitu seperti di bawah ini:

"14. (1) x x x x x x x x x x

(*a*) Tuan Yang di-Pertua masuk ke dalam Dewan Mesyuarat . . . .

(*b*) Doa

(*c*) Ahli-ahli baharu, mengangkat sumpah

(*d*) x x x x x x x x x x

(*e*) Pemasyhuran daripada Tuan Yang di-Pertua

(*f*) x x x x x x x x x x

(*g*) Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut . . . . .

(*h*) Permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat . . . .

(*i*) Penerangan daripada Menteri-menteri."

Jadi, Yang Berhormat Menteri berkehendakkan memberi kenyataan di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (*i*) Penerangan daripada Menteri-menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar dahulu! Kalau ada penerangan daripada Menteri, hendaklah datang lebih dahulu daripada usul yang ada dalam Peraturan Mesyuarat 14 (1) (*i*). Usul berkenaan dengan Aturan Urusan Mesyuarat ini di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (*n*). Jadi, saya tidak boleh izinkan kenyataan itu mengikut Peraturan Mesyuarat ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kawan-kawan saya di sini rasa dukacita dan hampa sekali kerana usul ini ditarik balik. Nampaknya pihak DAP takut menentang usul yang dibawanya sendiri (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, takut atau tidak takut, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, kerana ada peruntukan di dalam Aturan Mesyuarat ini yang boleh seseorang yang telah mengemukakan cadangannya boleh ditarik balik. Jadi saya tidak ada perkara lagi yang saya hendak jelaskan, dan hari ini pun dalam Aturan Urusan Mesyuarat tidak ada perkara lain.

**Dato' Musa Hitam:** Saya menuntut maaf sekiranya saya tersalah tafsir, tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat Aturan 14, muka surat 5 iaitu sub-paragraph (2) di dalam bahasa Inggerisnya, kalau boleh saya bacakan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Melayunya pun ada—muka surat 7 Aturan 14 (2) (*Ketawa*).

**Dato' Musa Hitam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Aturan 14 (2)—

"14 (2) Majlis Mesyuarat dengan dikeluarkan usul (oleh seseorang Menteri) yang akan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, dan yang tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu boleh pada bila-bila masa memutuskan hendak menjalankan mana-mana urusan dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan. Usul ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain."

Dengan itu saya suka mencadangkan supaya Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini menerima satu penerangan daripada Menteri Pelajaran di atas satu perkara yang dianggap penting oleh Kerajaan sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi saya menerangkan Aturan 14 (1); saya belum sampai kepada 14 (2). Dalam pada itu Yang Berhormat dari Pasir Puteh bercakap dan ada seorang lagi Ahli Yang Berhormat lain, kemudian saya hendak sampai ke mari, tetapi oleh sebab Yang Berhormat telah kemukakan sekarang, saya persilakan.

**Dato' Musa Hitam:** Boleh saya buat kenyataan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order, sila duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, 14 (2) Majlis Mesyuarat dengan dikeluarkan usul (oleh seseorang Menteri) yang

akan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, dan yang tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu boleh pada bila-bila masa memutuskan hendak menjalankan mana-mana urusan dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan. Perkataan ialah "Urusan"—urusan yang ada dalam Order Paper tetapi oleh kerana tidak ada urusan, tentulah tidak boleh ditimbulkan daripada luar satu urusan untuk diinjectkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Aturan Urusan Mesyuarat ada. Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selain daripada Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut ialah satu usul oleh Yang Berhormat dari Petaling. Dalam Peraturan Mesyuarat 14 (2) ini satu usul yang saya akan kemukakan kepada Majlis ini untuk memutuskan iaitu yang tidak boleh dipinda dan tidak boleh dibahas, saya kemukakan sahaja dan yang tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu. Jadi mengikut peraturan, pentafsiran yang diberi kuatkuasanya kepada Tuan Yang di-Pertua, saya memutuskan usul ini boleh dikemukakan dan setelah disokong untuk diambil keputusan oleh Majlis.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, untuk penjelasan sedikit. Saya rasa 14 (2) berbunyi:

> "14 (2) Majlis Mesyuarat dengan dikeluarkan usul (oleh seseorang Menteri) yang akan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, dan yang tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu boleh pada bila-bila masa memutuskan hendak menjalankan mana-mana urusan dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan. Usul ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain."

Tetapi dalam bahasa Inggerisnya, (*dengan izin*):

> "14 (2) The House may, at any time, upon a motion (to be moved by a Minister) to be decided without amendment or debate which may be made without notice and shall take precedence over all other business,. . . . . ."

Now the business here, Tuan Speaker, there is only one—yang ada itu hanya satu sahaja "urusan" dan kita sudah pun mengambil satu keputusan di mana pencadang usul itu telahpun menarik balik, jadi ertinya tidak ada urusan lagi. Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tidak kena mengena di sini dan kalau dia mahu mencadangkan, sepatutnya beliau mencadangkan sebelum usul ini dikemukakan dan ditarik balik oleh rakan saya dari Petaling.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu mengikut Aturan 14 (1). Aturan 14 (1) mestilah Yang Berhormat Menteri di bawah (i) yang saya sebut mula-mula tadi, tetapi sekarang satu usul Yang Berhormat akan kemukakan dan saya akan minta untuk disokong dan untuk tadi, kalau (i) ini lepas daripada (n), itu maknanya. Itu tafsiran saya dan mengikut Aturan 99 jikalau ada sesuatu kekeliruan yang seumpama ini, keputusan Tuan Yang di-Pertua, yang berbunyi:

> "99. Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad kecuali jika ada usul bersendiri menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan perkara-perkara ini."

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengemukakan usul.

**Tuan P. Patto:** One a point of order. Saya memang bersetuju bahawa keputusan yang dibuat oleh Tuan Speaker di bawah Peraturan Mesyuarat 99 memanglah muktamad pada saat ini. Tetapi apa yang saya mahu Tuan Speaker menerangkan ialah di dalam bahasa Inggeris ada berkata bahawa " . . . . . and shall take precedence over all other business . . . ." It has not taken precedence over all other business. It is moved after the motion has been withdrawn, after the business has actually been completed.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pun betul. Kalau ada "any other business" jadi precedence. Kalau tidak ada, sekarang dikemukakan (*Tepuk*).

**Tuan P. Patto:** It shall take precedence over all other business.

**Tuan Yang di-Pertua:** All other business, kalau ada other business. Sekarang business-nya satu sahaja.

**Tuan P. Patto:** What other business can there be other than from the Aturan Urusan Mesyuarat, Tuan Speaker?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan berbahas dengan saya banyak kali sangat.

**Tuan P. Patto:** Bukan, saya beri pandangan. Sebarang keputusan Tuan Speaker mesti dibase atas apa-apa logic.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya base atas logic dan mengikut ini.

**Tuan P. Patto:** Logic Tuan Speaker sendirilah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada, saya sudah kata mengikut Peraturan Mesyuarat 99.

**Tuan P. Patto:** Ya, saya tahu Aturan 99. Semua Speaker gunakan Aturan 99.

**Tuan Lim Kit Siang:** Standing Order 14 (2). Oleh kerana dalam bahasa Inggeris: " . . . . decide to proceed to any particular business out of the regular order." Mengikut pendapat saya regular order yang ada adalah tertakluk kepada apa tertulis dalam Order Paper dan bukan apa-apa perkara yang boleh timbul selepas satu jam Question Time bukan boleh Menteri berdiri untuk mahu jawab lagi dua atau tiga soalan yang sudah lepas satu jam. Ini mesti merupakan pertukaran dalam Order of Precedence yang ada dalam Order Paper of the day dan bukan apa yang tidak ada dalam Order Paper of the day.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mahu menjelaskan sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu Aturan 14 (1). Jadi saya dinasihat oleh Penolong Setiausaha pun begitu juga, iaitu sudah biasa dan lazim dibuat dahulu iaitu usul ini mengikut Aturan 14 (2) mendahului perkara-perkara yang lain sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tetapi oleh sebab tidak ada perkara yang lain, susunan yang sepatutnya penerangan daripada Menteri itu jatuh kepada (i) patut lebih dahulu daripada (n) iaitu usul-usul berkenaan dengan Aturan Urusan Mesyuarat. Maka sekarang inilah didahulukan dengan sebab tidak ada hal-hal atau perkara-perkara lain dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Jadi ini bukannya usul yang berkehendakkan untuk dibahaskan—tidak, usul penerangan daripada Menteri; itu sahaja, bukan usul yang dibahaskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Usul untuk membuat penerangan adalah satu perkara dalam Order of Business. Dan samada Usul untuk Penerangan ataupun Usul untuk perbahasan, tidaklah berbeza.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya putuskan . . . .

**Perdana Menteri:** Saya hendak menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada satu perkara. Tuan Yang di-Pertua tadi memberi keputusan atas penarikan Motion daripada Ketua Pembangkang. Tuan Yang di-Pertua telah memberi keputusan dan kita di sini menerima itu dengan tiada "argument."

Saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada Peraturan Mesyuarat 99, terang di situ. Kalau dia tidak bersetuju, bawa perkara ini melalui cara lain iaitu bawa kepada Committee. Tetapi kalau boleh, benarkan saya membaca Peraturan ini dalam bahasa Inggeris (*Dengan izin*):

> "99. The decision of Tuan Yang di-Pertua upon any point of interpretation of any of these Standing Orders, or upon any matter of practice, shall subject to a substantive motion moved for that purpose, be final,. . . . .. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada hak untuk mengemukakan hujjah-hujjah untuk dijadikan panduan sebelum satu keputusan dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah sebabnya saya benarkan ini supaya puas. Saya tidak hendak ada orang balik dengan tidak puas hati, saya beri penjelasan ini. Saya ada kata, di bawah Peraturan 99, tidak ada lagi soal-jawab. Tetapi saya beri peluang semua biar semua puas. Melainkan setelah sudah diberi penjelasan, tidak puas juga, saya putuskanlah. Sekarang putuskan, sebagaimana saya kata pada awal tadi, bahawa Yang Berhormat Menteri sila kemukakan usul, selepas usul itu dicadang dan disokong, saya akan kemukakan untuk diputuskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas dengan keputusan itu. Kita dari DAP akan keluar Dewan sebagai satu bantahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak puas, tidak apa, sudahlah! (*Tepuk*).

(*Ahli-ahli DAP keluar Dewan*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Hal yang semacam ini, memang saya benarkan. Tidak apa. Tetapi jangan bertengkar dengan Speaker, itu sahaja. (*Tepuk*). Sila, Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini mengambil ketetapan membenarkan Yang Berhormat Dato' Musa Hitam, Menteri Pelajaran membuat penerangan di Dewan Rakyat hari ini di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1).

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini mengambil ketetapan membenarkan Yang Berhormat Dato' Musa Hitam, Menteri Pelajaran membuat penerangan di Dewan Rakyat hari ini di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1).

## KENYATAAN MENTERI PELAJARAN

### UNIVERSITI MERDEKA

*3.04 ptg.*

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi satu kenyataan berhubung dengan satu perkara yang dianggap penting oleh Kerajaan yang telah begitu lama berbangkit di dalam negara kita dan yang telah menarik perhatian rakyat jelata segala lapisan, iaitu berhubung dengan satu issue yang dikenali sebagai issue penubuhan Universiti Merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1978 ini ialah merupakan tahun yang ketiga belas saya sendiri berkecimpung di dalam politik dan tahun yang kesepuluh saya menjadi Ahli Dewan Rakyat. Pada tahun 1965 dahulu iaitu tahun pertama saya baru-baru berkecimpung dalam politik, apa yang menjadi kagum kepada saya ialah perbahasan-perbahasan yang begitu hebat, yang berlaku dalam Dewan yang mulia ini juga, perbahasan-perbahasan pada waktu itu telah menggoncang negara kita. Rakyat jelata telah berpecah belah dan berkeliaran kerana terkeliru disebabkan oleh hujah-hujah yang begitu emosional, yang begitu sensitif, yang begitu merupakan contravesial digunakan oleh pihak pembangkang. Tahun 1966, 1967, 1968 . . . . . hinggakan tercetuslah satu trejidi yang tidak dapat kita lupakan dalam sejarah negara kita ini iaitu trejidi 13 Mei.

Pada waktu itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memegang jawatan yang begitu rendah di dalam bidang politik. Yang anihnya ialah bahawa Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang telah panic baru-baru tadi terpaksa keluar dari Dewan ini oleh sebab salah tektiknya pula pada waktu itu merupakan seorang yang memegang jawatan yang boleh dianggap begitu rendah di bidang politik sebagai Pembantu Politik kepada seorang daripada jaguh pembangkang pada waktu itu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidaklah boleh menyalahkan saya menyebutkan namanya kerana dia tidak ada di dalam Dewan ini. Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekarang memegang jawatan sebagai Ketua Pembangkang dan saya memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah, bahawa sungguhpun kita telah menempuh satu pengalaman yang begitu pahit pada bulan Mei 1969 pihak Pembangkang pada masa sekarang, yang berlatarbelakangkan Pembangkang pada waktu tahun-tahun 60an dahulu, pada tahun 1978 ini begitu rancak masih menggunakan hujah-hujah yang boleh dikatakan sama, berasas kepada pengiraan perkauman atau "Racial Arithmetic" hinggalah ke peringkat kemuncak pada kali ini di

dalam beberapa bulan yang lalu apabila soal Universiti Merdeka dibahaskan oleh orang-ramai.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pada tahun-tahun 60an kemuncak tektik-tektik yang digunakan oleh pihak Pembangkang telah mencetuskan trejidi 13 Mei, insya Allah, di dalam negara kita pada kali ini trejidi yang serupa ini tidak akan terjadi oleh sebab saya penuh berkepercayaan bahawa rakyat jelata di negara kita tidak akan terperangkap kepada sentimen-sentimen perkauman yang dianuti oleh pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menganalisa hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak Pembangkang kepada khalayak ramai di luar dan di dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lepas begitu jelas dapat dipastikan bahawa pihak Pembangkang sebenarnya telah hilang akal, telah hilang idea dan hilang haluan. (*Tepuk*) Sepertimana kita telah jelas nampak tadi bagaimana bak pepatah di dalam bahasa Inggeris: They were beaten in their own game. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena minta izin dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Musa Hitam:** Minta izin, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Ini tidaklah hairan kepada kami di dalam Barisan Nasional.

Pertama, sebabnya ialah bahawa parti politik yang terbesar sekali yang mewakili rakyat keturunan Cina dan diterima oleh rakyat keturunan-keturunan lain, iaitu parti MCA, telah dengan lantang dan tegas menyuarakan pendiriannya di dalam soal Universiti Merdeka (*Tepuk*). Dengan itu, jerat dan perangkap yang disediakan oleh parti pembangkang DAP yang mengambil masa bertahun-tahun lamanya telah termusnah dengan sendirinya.

Kedua, ialah bahawa begitu banyak penganjur-penganjur projek universiti itu sendiri telah bosan dan disillusioned, minta maaf saya gunakan bahasa Inggeris sekali lagi, dengan parti pembangkang DAP ini oleh sebab yang diutamakannya ialah semata-mata opportunis politiknya. Tidaklah hairan juga apabila penganjur projek universiti ini mendisown mereka. Inilah yang ditakuti oleh parti Pembangkang itu sendiri (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kenyataan saya pada hari ini di atas perkara yang ada beberapa perkara yang harus saya tegaskan dan huraikan supaya rakyat jelata di seluruh negara kita yang bertanggungjawab tidak terkeliru dan tidak salah faham atau salah tafsiran di atas dasar-dasar yang dianuti oleh Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang.

Soal yang pertama ialah apakah sebabnya Kerajaan terpaksa menolak cadangan penubuhan Universiti Merdeka ini, saya mengaku bahawa pada 17 haribulan September yang lalu saya telah mengistiharkan sebab-sebabnya dari segi tiga faktor yang terpenting. Ketiga-tiga faktor ini masih perlu saya tegaskan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini untuk kepentingan rakyat jelata keseluruhannya, iaitu:

Pertama:

> Universiti yang dicadangkan itu akan menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa penghantar,

Kedua:

> Universiti yang dicadangkan itu ialah untuk menampung pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina; dan

Ketiga:

> Universiti ini akan didirikan oleh sektor swasta.

Di dalam memorandum Merdeka Universiti Berhad bertarikh 30 haribulan Januari tahun 1978 jelas dinyatakan oleh pihak penganjur Universiti Merdeka ini bahawa bahasa penghantar yang akan digunakan di dalam Universiti Merdeka ini ialah bahasa Tiong Hwa atau Bahasa Cina.

Di muka 7 Memorandum ini dalam Bahasa Malaysia, paragraph pertama ayat kedua, saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua isi kandungan ayat ini, berbunyi "selain daripada Bahasa Tiong Hwa dijadikan bahasa penghantar, Universiti itu akan mementingkan pula latihan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris."

Saya suka menjelaskan di sini, bahawa ini terang-terang bertentangan dengan dasar pelajaran negara kita seperti terkandung di

dalam Akta Pelajaran Tahun 1961. Biar saya bacakan pula isi kandungan Akta Pelajaran tahun 1961. Paragraph tiga di dalam preamble Akta ini, saya mohon sekali lagi membacanya dalam Bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, bunyinya demikian:

(*Dengan izin*) "And whereas further provision is required for securing the effective execution of the said policy including in particular provision for the progressive development of an educational system in which the national language is the main medium of instruction."

Maka jelaslah di sini bahawa pencadang penubuhan Universiti Merdeka ini akan menggunakan Bahasa Tiong Hwa sebagai Bahasa penghantar. Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris cuma, saya quote, "Universiti itu akan mementingkan latihan"nya sahaja. Begitu banyak kali percubaan-percubaan telah dibuat oleh pihak pembangkang untuk mengelirukan fahaman rakyat jelata di dalam soal ini. Pihak Pembangkang tahu Dasar Pelajaran kita. Pihak Pembangkang tahu bahawa Universiti Merdeka yang dicadangkan itu akan menggunakan Bahasa Tiong Hwa sebagai bahasa penghantar dan tahu keadaan ini bertentangan dengan dasar Pelajaran. Tetapi boleh dikatakan tiap-tiap kali Ketua Pembangkang sendiri ditanya di dalam soal ini, ianya tidak berhenti-henti memutarbelitkan keadaan yang sebenar. Malahan di dalam satu sidang akhbar yang diadakan oleh Ketua Pembangkang itu beberapa minggu lepas apabila ia ditanya apakah benar bahasa penghantar Universiti Merdeka yang dicadangkan ialah Bahasa Tiong Hwa? Dengan muka selamba sahaja ia cuba mengelak daripada menjawabnya dan hanya menyatakan bahawa Bahasa-bahasa Malaysia dan Inggeris juga akan digunakan. Terang-terang pihak Pembangkang cuba memperdayakan wartawan-wartawan terutama sekali wartawan-wartawan dari luar negeri, selepas ianya berjaya memperdayakan begitu banyak anggota masyarakat kita yang innocent dan simpleminded serta jujur yang begitu dahagakan pelajaran di dalam negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sayugia diingat bahawa Dasar Pelajaran yang ada sekarang ini ialah berasas kepada laporan-laporan hasil daripada kajian yang begitu teliti yang dibuat pada tahun-tahun 1956, 1960 dan ditetapkan pada tahun 1961 dengan kelulusan Akta Pelajaran yang dibahas dengan seluas-luasnya oleh Wakil-wakil Rakyat sendiri di Parlimen ini. Yang penting diingatkan juga ialah bahawa tiap-tiap suatu proses kajian itu dibuat dengan diberi peluang kepada seluas-luas golongan masyarakat untuk memberikan pandangan dan pendapat masing-masing.

Apa pula sebabnya maka saya menggunakan hujah yang kedua menolak cadangan penubuhan Universiti Merdeka ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya baca isi kandungan memorandum Universiti Merdeka ini. Muka 7 paragraph kedua, di paragraph ini berbunyi:

"Berkaitan dengan penerimaan pelajar, sungguhpun Universiti ini dibinakan untuk menampung keperluan pelajar lepasan sekolah Menengah Persendirian Cina namun pintunya terbuka kepada semua bangsa dan penerimaan pelajar akan berdasarkan kelayakan akademik semata-mata dan tidak akan dipengaruhi oleh faktor-faktor bukan akademik."

Huruf-huruf yang perlu dibacakan sekali lagi ialah "sungguhpun universiti ini dibinakan untuk menampung keperluan pelajar lepasan sekolah Menengah Persendirian Cina . . . . . . "

Apakah akibat hasrat ini kalau diterima? Akibat-akibatnya ialah bahawa universiti ini akan terhad penerimaan para pelajarnya kepada satu keturunan sahaja, lebih-lebih lagi keturunan itu akan menggunakan satu bahasa sahaja iaitu Bahasa China oleh sebab pelajar lepasan yang masuk ke universiti itu ialah dicadangkan daripada sekolah Menengah Persendirian Cina.

Dakwaan bahawa pintunya akan dibuka kepada semua keturunan berdasarkan kelayakan akademik bunyinya munasabah sebagai teori sahaja. Kalaulah universiti ini tertubuh, saya pasti ianya akan terhad kepada satu golongan pelajar sahaja, lebih-lebih lagi apabila kita mengambil hujah saya yang ketiga di mana universiti ini dicadangkan sebagai universiti swasta. Hujah ini akan saya huraikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini beberapa minggu yang lalu kita telahpun membincangkan satu lagi cadangan pihak Pembangkang hendak meminda Akta Universiti kononnya untuk membolehkan penubuhan universiti-universiti swasta. Pihak

Kerajaan sendiri telah menjelaskan bahawa undang-undang negara kita tidak menahan penubuhan universiti-universiti swasta asalkan ianya diluluskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa penubuhan Universiti ini ialah mustahak "Demi kepentingan negara". Kita telah memberi peluang penuh cadangan Ketua Pembangkang itu dibahaskan dan keputusan telahpun dibuat oleh Dewan yang mulia ini.

Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, perlu saya ingatkan sekali lagi sebab maka Kerajaan terpaksa menolak penubuhan universiti ini berasas kepada hujah yang ketiga, iaitu ianya merupakan universiti swasta. Penolakan ini ialah diputuskan dalam konteks penubuhan Universiti Merdeka. Ianya bukan melingkupi semua dan tiap-tiap cadangan penubuhan sesuatu universiti atau institusi pelajaran tinggi yang lain.

Ketua Pembangkang setelah ianya menghadapi kekalahan di dalam perbahasan di Dewan ini beberapa minggu yang lepas telah melancarkan satu gerakan mengutip wang seringgit daripada tiap-tiap seseorang dari keturunan Cina di dalam negara ini untuk membiayai Universiti Merdeka berasas kepada hujah-hujah bahawa pemberian derma seringgit seorang ini akan menyelamatkan bahasa dan kebudayaan Cina, kononnya, katanya. Tidak beza langsong kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, gerakan ini dengan gerakan penubuhan Universiti Nanyang dahulu yang untung nasibnya untungnya sekalian orang-orang Cina di seluruh Tenggara Asia sendiri tentu sedia maklum. Saya juga tidak menafikan bahawa mungkin ia, iaitu Ketua Pembangkang berjaya mengutip wang yang begitu banyak berasas kepada semangat. Tetapi seperti saya sebutkan dalam perbahasan kita dalam beberapa minggu yang lalu, walau beberapa puluh atau ratus juta pun dapat dikutip berasas kepada semangat yang diura-urakan oleh pihak Pembangkang, saya pasti dan penuh kepercayaan bahawa in the final analysis atau akhirnya samada kita suka atau tidak, Kerajaanlah yang akan terpaksa memikul tanggungjawab dan beban membiayai universiti seperti yang dicadangkan itu. Sejarah dan contoh-contoh penubuhan-penubuhan universiti swasta di dunia ini telah menunjukkan bagaimana pihak swasta yang menubuhkan sesuatu universiti itu tidak mampu menampung perbelanjaan pentadbiran dan perkembangan universiti itu selama-lamanya. Akhirnya perbelanjaan semakin tinggi dan yuran masuk belajar semakin naik dan yang mampu masuk ialah golongan berada juga, yang kaya-kaya juga.

Kalaulah saya ini seorang Cina ditemui oleh seorang Cina yang lain meminta derma daripada saya dengan menyatakan bahawa derma daripada saya ini ialah untuk menyelamatkan bahasa dan kebudayaan Cina, tentulah saya akan memberi derma. Lebih-lebih lagi kalau hujah-hujah diberi dengan penuh emosi dan sentimen kechinaan. Kalau saya seorang Cina ditemui oleh seorang Cina yang lain hendak mendapatkan tandatangan untuk sesuatu petition yang dikatakan hendak menyelamatkan bahasa dan kebudayaan Cina maka saya pasti akan menandatangani petition itu. Begitu juga kalau saya seorang Cina diminta supaya hadir di dalam satu rapat umum atau perjumpaan untuk membincangkan sesuatu projek hendak menyelamatkan bahasa dan kebudayaan Cina, maka saya pasti juga bersetuju menghadirinya.

Keadaan sebegini sebenarnya bukan istimewa kepada orang-orang Cina sahaja. Samada orang keturunan India, Melayu, Iban, Kadazan, Turki, Greek, Negro di Amerika, emosi dan sentimen begitu senang boleh dieksploitasi.

Inilah yang sedang terjadi dan telah terjadi berkaitan dengan issue penubuhan Universiti Merdeka. Tektik mengeksploitasi perasaan perkauman yang digunakan oleh Parti-parti Pembangkang begitu hebat dan sentiasa digunakan sebagai senjata menyerang parti-parti komponan di dalam Barisan Nasional.

Di dalam pilihanraya umum baru-baru ini, apabila parti DAP mendapat beberapa kerusi lebih sedikit daripada pilihanraya-pilihanraya yang lepas pihak parti ini telah bertakbur, bercakap besar dan memberi amaran kepada Kerajaan kononnya rakyat keturunan Cina telah menunjukkan protest mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional dengan mengundi mereka. Cakap besar dan takbur mereka ini begitu hebat digunakan oleh mereka hinggakan beranilah saya mengaku, bahawa ada juga di kalangan kita di

dalam Barisan Nasional sendiri yang dekat-dekat hendak percaya atas tuntutan parti DAP itu.

Tetapi apakah keadaan yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua? Parti DAP telah mendapat jumlah undi yang merupakan lebih kurang 20 peratus dari semua mereka yang keluar mengundi. Parti PAS pula yang ahlinya nampaknya begitu tafakur di hadapan kita pada hari ini (*Ketawa*) tidak kurang hebatnya pula menggunakan sentimen-sentimen keugamaan dan perkauman telah mendapat lebih kurang 19 peratus daripada jumlah pengundi yang keluar membuang undi. Compliment kepada PAS. Kalau kita menggunakan hisab biasa, ini bermakna bahawa parti Barisan Nasional sendiri sebenarnya telah mendapat lebih kurang 56 peratus sokongan pengundi-pengundi yang telah keluar membuang undi setelah diambil kira undi rosak atau yang pergi kepada calun-calun bebas. Kalau hendak dibuat analisa yang lebih mendalam lagi, begitu jelas kedudukan parti-parti politik dalam negara ini dan saya tidak teragak-agak lagi berani menyatakan bahawa sokongan yang diberi kepada Barisan Nasional ialah:

> Yang Pertama-Merupakan sokongan berbilang keturunan, dan yang kedua—Merupakan sokongan yang terbanyak sekali daripada undi yang telah diberi di dalam pilihanraya yang lepas. Dengan lain-lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam Barisan Nasional berasa bangga dan berasa sangat-sangat terhormat bahawa sokongan yang telah diberikan kepada kami itu benar-benar merupakan sokongan masyarakat Malaysia yang tulin, sokongan masyarakat Malaysia yang penuh bertanggungjawab, sokongan rakyat Malaysia yang benar-benar mahukan perasaan muhibah dan bersatu padu, ketenteraman dan keadilan keseluruhannya dikekalkan di dalam negara kita ini. Inilah sokongan yang benar-benar merupakan berbilang keturunan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris "Cutting across racial lines and prejudices." Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, Parti DAP tidak harus berasa begitu bangga bercakap besar, begitu bongkak dan begitu takbur. Malahan pada pendapat saya parti DAP harus berasa malu bahawa mereka hanya mendapat sokongan dari segelintir sahaja rakyat negara kita ini, itupun daripada satu keturunan sahaja sepertimana mereka sendiri mengakui kepada dunia. Kalau saya dibenarkan menggunakan kata-kata di dalam Bahasa Inggeris. Saya harap Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya menggunakan bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diizinkan.

**Dato' Musa Hitam:** "You should be ashamed of yourself—"You" ini ditujukan kepada DAP yang tidak ada wakil dalam Dewan ini (*Ketawa*).

"You should be ashamed of yourself for claiming to represent only one section of the Malaysian community based on race. We in the Barisan Nasional are proud of the fact that we are really representative of the multi-racial character of our Malaysian society" (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan yang saya buat ini, janganlah pula disalah tafsirkan sebagai sikap anti-sesuatu kaum. Kami di dalam parti Barisan Nasional sangat sedar bahawa ada di kalangan mereka yang tidak menyokong kami disebabkan oleh fakta-fakta lain daripada perkauman. Maklumlah kami ini terdiri daripada manusia biasa yang serba kekurangan yang tidak dipandang manis oleh beberapa golongan manusia yang lain.

Walau bagaimanapun, melalui Dewan yang mulia ini sukalah saya menyatakan bahawa kejayaan cita-cita kita mencapai pembentukan masyarakat Malaysia bergantung kepada penukaran sikap dan cara berfikir tiap-tiap seorang daripada kita sendiri. Apakah kita hendak mengekalkan kedudukan kita sebagai seorang Cina dan bukan seorang Malaysia keturunan Cina? Apakah kita

hendak mengekalkan diri kita sebagai seorang Melayu semata-mata tidak mengira bahawa kita ini ialah orang Melayu Malaysia iaitu satu negara yang rakyatnya terdiri dari berbagai Keturunan? Begitu juga ditujukan soal ini kepada mereka dari keturunan India, Iban, Kadazan dan lain-lain di dalam negara yang kita kasihi ini.

Saya berpendapat bahawa selagi sesuatu keturunan berkeras hendak mengekalkan unsur-unsur peribadi asli mereka dalam petak-petak tersendiri, selagi itulah kita akan jauh daripada tercapainya cita-cita murni kita hendak membentuk satu negara dan bangsa Malaysia yang benar-benar bersatu padu, tenteram, adil dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kena atau tidak tempatnya, suatu daripada perkara yang tidak boleh dinafikan yang telah dibangkitkan di dalam masa sepanjang kita membahaskan soal penubuhan universiti merdeka ini ialah masalah perasaan tidak puas hati, terutamanya di kalangan ibubapa bukan keturunan bumiputra, atas soal semakin kurang peluang anak-anak mereka memasuki universiti-universiti keseluruhannya dan universiti-universiti tempatan khasnya. Perasaan tidak puas hati ini tidaklah boleh disalahkan kepada sesiapa, jauh lagi pula ibubapa sekelian.

Saya menerima kenyataan bahawa semenjak terlancarnya Dasar Ekonomi Baru kita pada tahun 1970, Kerajaan telah memberi peluang yang begitu luas dan pesat kepada anak-anak kita keturunan bumiputra melanjutkan pelajaran mereka di peringkat universiti. Tetapi dalam proses melaksanakan dasar ini, begitu ramai pula anak-anak kita keturunan bukan bumiputra yang berasa keciwa tidak mendapat tempat walaupun mereka berkelulusan begitu tinggi. Tambahan pula, di dalam beberapa tahun yang lampau ini, seperti saya sebutkan dalam mesyuarat Colombo Plan di Washington beberapa hari yang lalu, apa yang saya katakan "trend protectionist" di bidang kemasukan pelajar-pelajar luar negeri ke universiti-universiti di negara-negara maju semakin berleluasa. Ini mengakibatkan pula pelajar-pelajar kita, terutama sekali dari golongan bukan bumiputra yang pada masa-masa yang lepas mudah sahaja keluar negeri, tertutup pula peluang mereka yang sedia ada dahulu itu.

Sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak akan lari daripada janji-janjinya, termasuklah seperti yang terkandung dalam Manifesto Pilihanraya Umum 1978 berkaitan dengan pelajaran yang berbunyi:

> "Kami akan terus meninggikan mutu dan meluaskan peluang pelajaran disegenap peringkat, menjamin peluang-peluang yang adil dan saksama serta kemudahan-kemudahan untuk semua rakyat".

Di sini jelaslah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam bidang pelajaran terutama sekali, Kerajaan tidak ingin membenarkan perasaan tidak puas hati menjadi-jadi atau berleluasa hingga ianya dieksploitasi oleh anasir-anasir jahat yang sentiasa hendak memecah-belahkan perpaduan negara kita.

Oleh sebab itulah, melalui Dewan yang mulia ini, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan bercadang hendak memperbesarkan lagi universiti-universiti yang ada di negara kita pada masa ini dan dalam proses perkembangan ini, lebih banyak lagi tempat akan diberi kepada anak-anak dari keturunan bukan bumiputra. Kerajaan percaya bahawa langkah-langkah ini akan mengurangkan perasaan keciwa dan hampa di kalangan rakyat bukan bumiputra dan diterima dengan penuh perasaan muhibbah dan fahaman oleh rakyat keturunan bumiputra (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional akan tetap bersikap adil dan saksama. Kerajaan Barisan Nasional tidak rela menggunakan hujah-hujah yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan Barisan Nasional tidak rela anggota-anggotanya mengeksploitasi perasaan perkauman. Jauh pula kita hendak menggunakan pelajaran sebagai "political football". Pendirian, tektik dan sikap mengeksploitasi sentimen perkauman

ialah privilege Pembangkang yang bengkrap dengan hujah-hujah practical dan pihak Pembangkang tidak bertanggungjawab (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan ini yang telah sudi mendengar kenyataan saya tadi yang dianggap oleh Kerajaan begitu penting sungguhpun kami menerima kenyataan ketakutan parti Pembangkang daripada DAP, jangan-jangan apabila mereka memberikan hujah-hujah mereka di dalam perbahasan yang telah dirancangkan oleh mereka begitu lama, lapuk, kalah, tidak dapat diterima oleh rakyat jelata di dalam negara kita yang dikasihi. Sekian, kenyataan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 12hb Disember, 1978 jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 3.50 petang.*